

## TROPED 2018 Beri Ruang Pembangunan Pesat Agropreneur

Terakhir dikemaskini: Rabu, 26 September 2018 19:56 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 133

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 26 SEPTEMBER** - Sabah menyambut baik perbincangan berkenaan pembangunan usahawan tani sebagai usaha untuk melindungi sektor buah-buahan tropika yang ada di negeri ini. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, kerajaan negeri mengambil maklum cabaran yang dihadapi sektor buah-buahan tropika, termasuk kewujudan perosak dan penyakit dengan melihat secara serius masalah tersebut.

“Bagi Sabah, untuk menempatkan diri sebagai pengeluar buah-buahan tropika

utama di rantau ini, kerajaan negeri terus memperkukuh tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan, penguatkuasaan kuarantin dan pembangunan usahawan tani.

“Kerajaan akan melihat isu ini dengan lebih serius, agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian negeri giat mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan jangkitan penyakit tanaman dengan menguatkan prosedur kuarantin serta penguatkuasaan di kesemua pintu masuk di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Buah-buahan Tropika, Perosak dan Penyakit (Troped) 2018 di Hotel Le Meridien Kota Kinabalu anjuran *International Tropical Fruits Network* (TFNet) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Dr. Daud Yusof.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menyeru para penyelidik agar mengambil peluang menerusi pelbagai bantuan yang diberikan oleh kementerian untuk menjalankan penyelidikan.

Tambahnya ia amat penting dalam pembangunan teknologi dan inovasi baharu seperti aplikasi komputer dan proses pengkomersialan bagi menangani masalah kejatuhan pengeluaran buah-buahan tropika secara global. Persidangan selama tiga hari itu turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Mohd Sallehuddin Hassan dan Pengarah Jabatan Pertanian Sabah, Datuk Idrus Shafie.